



Sebahagian graduan cemerlang meraikan kejayaan sempena Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-13 baru-baru ini di Kompleks Sukan UMP.

2,773 terima ijazah teknologi Blockchain

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menggunakan teknologi Blockchain bagi Pengesahan Perakuan Sijil UMP Valid8 buat pertama kali yang dapat memanfaatkan seramai 2,773 graduan sempena Majlis Konvokesyen Kali Ke-13.

Naib Canselor UMP, Datuk Seri Prof Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP Valid8 adalah aplikasi pengesahan ketulenan ijazah berasaskan kod QR untuk mengesahkan sijil ijazah graduan.

“Dengan imbasan kod QR, akan memaparkan gambar graduan, nama penuh,

program pengajian dan tahun anugerah. Kod QR itu sendiri akan menjadi satu rangkaian rekod data blockchain yang sulit yang mana ianya menyimpan semua maklumat graduan menggunakan teknologi Blockchain.

“Sistem yang dibangunkan ini mempunyai fungsi yang merekodkan maklumat pendidikan graduan UMP. Semua data graduan disimpan dalam bentuk blockchain yang tidak dapat digodam atau dipalsukan,” katanya.

Selain itu, UMP buat pertama kali pada konvokesyen

kali ini memperkenalkan e-Book yang menggunakan aplikasi UMP Convocation dengan capaian Android (versi 4.0 ke atas) dan iOS (versi 8.0 ke atas).

Kesemua graduan yang terima diploma dan ijazah membabitkan seramai 63 graduan Ijazah Sarjana Kedoktoran (PhD), 172 graduan Sarjana, 221 graduan Sarjana Eksekutif, 52 Bachelor Eksekutif, 1,713 graduan Sarjana Muda, 40 graduan Dwi Ijazah, 270 graduan Diploma dan 242 graduan Diploma Eksekutif babitkan sembilan fakulti dan dua pusat pengajian.